

Artikel Penyelidikan

# Mengangkat Budaya Warisan Dalam Seni Lukisan

Muhammad Safdar Izzul Islam Mohd Yatim<sup>1</sup>, Ahmad Syamil Ismail<sup>2</sup>, Siti Aishah Mokhtar<sup>3\*</sup> dan Nurulannisa Abdullah<sup>4</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Sains Maklumat, UiTM Cawangan Kelantan; 2020456016@student.uitm.edu.my;

<sup>2</sup> Fakulti Sains Maklumat, UiTM Cawangan Kelantan; 2020852852@student.uitm.edu.my;

<sup>3</sup> Fakulti Sains Maklumat, UiTM Cawangan Kelantan; aishah835@uitm.edu.my;  0009-0005-8916-0856

<sup>4</sup> Fakulti Sains Maklumat, UiTM Cawangan Kelantan; annisa@uitm.edu.my;  0000-0003-3234-9066

\* [aishah835@uitm.edu.my](mailto:aishah835@uitm.edu.my); +013-3869763.

**Abstrak:** Penyelidikan ini diberi tajuk “Mengangkat Budaya Warisan Dalam Seni Lukisan”. Kajian ini dibuat untuk mengkaji permasalahan berkaitan dengan pengaruh perkembangan, pendedahan, kaedah, dan kepentingan dalam bidang seni lukisan. Kajian penyelidikan ini dijalankan untuk mengkaji permasalahan berkaitan dengan pengaruh perkembangan, kaedah, dan kepentingan dalam bidang seni lukisan. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif deskriptif, kaedah pencarian maklumat melalui pembacaan, dan pembacaan jurnal serta buku. Selepas membuat kajian, penulis mendapati bahawa kaedah yang sesuai diperlukan untuk memelihara lukisan yang mempunyai nilai budaya warisan, pendekatan terbaik adalah melalui PSV dan membuat pertandingan, penghasilan mahakarya memerlukan kaedah dan pengalaman, dan seni penting dalam kehidupan sehari-hari kita. Hasil daripada kajian ini dapat disimpulkan bahawa seni lukisan memainkan peranan penting dalam memartabat dan memelihara budaya warisan sesebuah masyarakat.

*Kata kunci:* Budaya Warisan, Warisan, Seni, Seni Lukisan, Pendidikan Seni



**Copyright:** © 2026 by the authors. Submitted for open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY) license (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

---

## 1. PENGENALAN

Dalam memelihara jati diri dan identiti sesebuah masyarakat, mengangkat budaya warisan dalam seni lukisan dilihat sebagai salah satu usaha penting dimana seni lukisan bukan sahaja berfungsi sebagai medium ekspresi artistik, malah ianya turut menjadi wadah untuk merakam dan menyampaikan nilai budaya, tradisi, serta sejarah sesuatu bangsa. Di Malaysia, seni visual mempunyai peranan penting dalam memperkukuh kefahaman masyarakat terhadap warisan budaya. Menurut Syed Ahmad Jamal (1992), seni bukan sekadar representasi visual, tetapi merupakan manifestasi pemikiran dan budaya masyarakat yang harus dihargai serta dipelihara. Oleh itu, satu bentuk dokumentasi budaya yang bernilai tinggi dan karya lukisan yang berteraskan elemen budaya tempatan seperti motif tradisional, kehidupan seharian, dan alam sekitar perlu dihasilkan. Justeru, bagi memastikan identiti seni negara tidak terhakis oleh arus kemodenan dan pengaruh luar, usaha mengangkat budaya warisan melalui seni lukisan perlu diteruskan.

Seni merupakan medium yang penting dalam menafsir serta menyampaikan sesuatu maklumat kepada masyarakat. Dalam konteks ini, seni bukan sekadar hasil kreativiti, tetapi juga berfungsi sebagai saluran komunikasi yang membawa makna tersirat dan tersurat. Menurut Mohd Adzran (2022), seni membentuk individu dalam mempertahankan hasil kerja mereka, selain memahami secara mendalam karya yang dihasilkan. Ini jelas menunjukkan bahawa seni mampu

membentuk pemikiran kritis dan keupayaan refleksi dalam kalangan pengkarya dan penghayat seni. Selain itu, penghayatan terhadap seni, khususnya seni lukisan, dapat melahirkan masyarakat yang lebih menghargai nilai kehidupan dan warisan budaya melalui seni lukisan. Elemen budaya seperti adat, tradisi, dan identiti masyarakat dapat dizahirkan dan dipelihara secara berterusan melalui seni lukisan. Oleh itu, seni memainkan peranan yang signifikan dalam memastikan kelangsungan budaya agar tidak pupus ditelan arus pemodenan.

Elemen budaya dan masyarakat tempatan telah lama diterapkan dalam perkembangan seni di Malaysia. Antara unsur kebudayaan yang sering menjadi sumber inspirasi bagi pengkarya seni adalah seperti seni bina, kostum dan tekstil, bahasa dan penulisan, motif Melayu tradisional, peralatan harian, permainan tradisional, cerita rakyat, makanan, seni persembahan, seni mempertahankan diri dan banyak lagi (Arkib Negara Malaysia, 2006). Elemen-elemen ini bertindak sebagai medium dokumentasi sosial selain menjadi representasi visual budaya yang mencerminkan identiti dan nilai dalam masyarakat.

## **2. PERMASALAHAN KAJIAN**

Seni lukisan bukan sekadar karya visual, tetapi juga sebahagian penting dari budaya warisan. Melalui lukisan, kita dapat memahami sejarah, nilai, dan identiti sesuatu masyarakat. Oleh kerana itu, pelestarian seni lukisan tradisional sangat penting agar budaya bangsa tetap hidup dan dikenal dunia. Dalam seni lukisan, budaya warisan sering diwujudkan melalui motif, teknik, dan tema tradisional. Kekurangan dokumentasi dan pengarkiban yang sistematik terhadap karya-karya lama dilihat sebagai faktor utama permasalahan dimana banyak hasil lukisan tradisional tidak direkodkan secara terperinci dari segi latar belakang pelukis, teknik, medium, dan konteks sejarah penghasilannya. Banyak maklumat penting yang terdedah kepada kehilangan bilamana sebahagian maklumat hanya disampaikan secara lisan. Sistem pendigitalan dan pangkalan data yang komprehensif perlu diwujudkan bagi menyimpan dan merekodkan usaha penyelidikan, pemuliharaan bagi tujuan rujukan akademik pada masa hadapan.

Selain itu, arus pemodenan dan globalisasi turut memberi kesan terhadap penerimaan masyarakat, khususnya golongan muda, terhadap seni warisan lukisan. Minat terhadap teknik tradisional semakin berkurangan kerana perubahan cita rasa kepada seni kontemporari dan digital dikalangan golongan muda. Dalam sesetengah keadaan, unsur komersialisasi turut mengubah gaya dan makna asal sesuatu karya demi memenuhi permintaan pasaran. Situasi ini menimbulkan persoalan tentang keaslian dan ketulenan identiti seni warisan tersebut. Kepentingan penyelidikan berkaitan perkembangan seni visual di Malaysia perlu diwar-warkan kepada masyarakat bagi memastikan penyelidikan ilmiah berasaskan kaedah pemerhatian boleh dilaksanakan.

## **3. OBJEKTIF KAJIAN**

Tujuan utama kajian penyelidikan ini dijalankan adalah untuk mengkaji permasalahan berkaitan dengan pengaruh perkembangan, pendedahan, kaedah, dan kepentingan dalam bidang seni lukisan. Berikut adalah objektif kajian sebagaimana berikut:

1. Menganalisis pengaruh perkembangan seni dalam mengangkat budaya warisan dalam seni lukisan di Malaysia.
2. Mengenal pasti kaedah atau pendekatan yang sesuai untuk digunakan untuk menarik minat masyarakat terhadap seni lukisan.
3. Mengkaji teknik atau kaedah yang sesuai dilakukan untuk menghasilkan satu mahakarya.

#### **4. PERSOALAN KAJIAN**

Berdasarkan objektif yang telah digariskan, beberapa persoalan kajian dirumuskan bagi memperoleh maklumat yang lebih mendalam dan terperinci, iaitu:

1. Bagaimanakah budaya warisan dalam seni lukisan di Malaysia dipengaruhi oleh perkembangan seni ?
2. Apakah pendekatan yang sesuai untuk menarik minat masyarakat dalam bidang seni ?
3. Apakah kaedah yang digunakan bagi menghasilkan satu mahakarya?

#### **5. KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN**

Kajian ini dilihat mampu mengembangkan pemahaman secara teoritikal tentang konsep bentuk dan makna berlaku dalam seni moden Malaysia yang mempraktikkan amalan studio melalui penggunaan media campuran. Ia juga dapat memperjelaskan kepada komuniti masyarakat tentang kewujudan dan kepentingan karya-karya seni visual yang mempraktikkan media campuran dan hubungannya dengan konteks hubungan sosiobudaya masyarakat.

Selain daripada itu, melalui konteks kepentingannya kepada sistem Pendidikan Seni Visual di peringkat pengajian ia dapat memberikan penjelasan dan kefahaman kepada ahli akademik tentang definisi media campuran dalam konteks seni moden Malaysia. Kajian ini juga berkepentingan dalam membina kaedah apresiasi karya kepada ahli akademik melalui kepentingan pendekatan media campuran dalam konteks sosiobudaya dan membantu pelajar, pelukis dan penghayat seni agar melihat kepentingan media campuran sebagai faktor hubungan antara pelukis dengan sosiobudaya dalam membuat apresiasi karya.

#### **6. TINJAUAN LITERATUR**

##### **6.1 Perkembangan Seni Lukisan dalam Konteks Malaysia**

Perkembangan seni lukisan di Malaysia menunjukkan evolusi yang signifikan seiring dengan perubahan sosial, budaya dan sejarah negara. Pada mulanya, seni lukisan tempatan dilihat banyak berakar umbikan tradisi visual masyarakat Melayu dahulu yang merangkumi elemen alam, kehidupan harian, serta simbol budaya masyarakat setempat. Namun begitu, ianya mula mengalami perubahan besar apabila dipengaruhi oleh seni moden Barat melalui pendidikan seni formal dan pendedahan kepada aliran antarabangsa. Menurut Syed Ahmad Jamal (1992), seni visual bukan sahaja berfungsi sebagai medium estetika, tetapi juga sebagai manifestasi budaya dan pemikiran masyarakat yang berkembang mengikut zaman.

Seterusnya, perkembangan seni lukisan di Malaysia turut dipengaruhi oleh kemunculan pelbagai aliran moden seperti ekspresionisme, abstrak, dan realisme baharu yang telah mengubah cara seseorang pelukis berkarya. Hal ini jelas menunjukkan bahawa seni lukisan tempatan tidak bersifat statik, tetapi sentiasa berkembang bersama tradisi dan modeniti. Menurut Muliyadi (2007), perkembangan seni visual di Malaysia memperlihatkan bagaimana pelukis tempatan mengadaptasi pengaruh luar sambil mengekalkan elemen identiti budaya dalam karya mereka.

##### **6.2 Seni Lukisan sebagai Medium Pemeliharaan Budaya Warisan**

Lukisan merupakan karya yang dihasilkan oleh seseorang pelukis dengan menggunakan pelbagai media dan teknik dimana pelukis tersebut menafsir serta menggambarkan sesuatu subjek, seperti panorama sesebuah kawasan. Lukisan merupakan hasil karya seni yang perlu dijaga dan dipelihara bagi memastikan ianya dapat dijadikan rujukan dimasa hadapan. Dalam konteks seni

visual, lukisan merupakan sebuah karya yang berfungsi sebagai medium ekspresi artistik, malah turut menjadi dokumentasi visual yang merakamkan budaya, landskap, dan pengalaman masyarakat pada sesuatu zaman (Gombrich, 1995). Hal ini menunjukkan bahawa lukisan mempunyai nilai sejarah dan estetika yang penting dalam perkembangan seni. Justeru, dalam memastikan warisan sesebuah budaya dalam masyarakat, kesinambungan ilmu serta apresiasi seni dapat diteruskan oleh generasi akan datang perlu ada usaha bagi memelihara karya lukisan tersebut.

### **6.3 Pengaruh Seni Moden Barat terhadap Seni Lukisan Tempatan**

Budaya merupakan salah satu identiti dan lambang sesebuah negara. Bagi memastikan ianya tidak pupus, budaya warisan seperti yang terdapat dalam sesebuah seni lukisan juga perlu dijaga dan dipelihara. Seni catan moden dipengaruhi oleh gerakan avant-garde yang berkembang di Barat pada abad ke-20, yang merangkumi pelbagai aliran seperti ekspresionisme dan surealisme. Menurut Ahmad Rashidi (2001), pengaruh ini turut mempengaruhi perkembangan seni catan di Malaysia. Seni catan di Malaysia diaman ianya telah dipengaruhi oleh perkembangan seni moden Barat sejak abad ke-20 yang melahirkan pelbagai aliran seperti Fauvisme, Kubisme, Pop Art dan Abstrak Ekspresionisme. Pengaruh ini telah meninggalkan kesan yang besar terhadap identiti seni tempatan apabila kecenderungan terhadap gaya Barat semakin dominan. Oleh itu, perlu adanya usaha bagi memelihara identiti seni tempatan sentiasa diperkukuhkan agar tidak pupus ditelan zaman (Khayril Anwar, 2016).

### **6.4 Identiti Seni dan Cabaran Globalisasi**

Seiring dengan perubahan zaman, Perkembangan seni lukisan di Malaysia berhadapan dengan pelbagai cabaran yang semakin kompleks. Pengaruh globalisasi yang membawa masuk aliran seni antarabangsa secara meluas adalah antara cabaran utama. Hal ini telah menyebabkan berlakunya pertembungan antara identiti seni tempatan dan gaya moden global. Karya seni tempatan dilihat lebih cenderung kepada gaya universal dan menjadikan elemen budaya setempat kurang ditonjolkan. Mulyadi (2007), memperlihatkan situasi ini sebagai satu proses adaptasi terhadap pengaruh luar yang berterusan kepada perkembangan seni visual di Malaysia, namun pada masa yang sama ianya menuntut keseimbangan dalam mengekalkan identiti budaya tempatan.

Kajian daripada Haryati (2014), menunjukkan bahawa globalisasi telah membawa kepada pembentukan identiti hibrid dalam masyarakat Malaysia, termasuk dalam bidang seni visual. Mohd Zahuri (2019), dalam kajian beliau pula menunjukkan pengaruh global turut menyebabkan berlakunya pertembungan antara elemen tradisi dan moden. Namun dalam konteks seni lukisan, pelukis masih mengekalkan unsur budaya tempatan dalam penghasilan karya mereka. Seni lukisan di Malaysia selepas kemerdekaan banyak mencerminkan identiti sosial dan budaya masyarakat melalui tema-tema tempatan (Rosliza, 2022). Hal ini jelas membuktikan bahawa seni bukan sahaja medium estetika, tetapi juga alat penting dalam memelihara identiti budaya.

### **6.4 Peranan Pendidikan Seni dalam Mengangkat Warisan Budaya**

Dalam bidang pendidikan, subjek Pendidikan seni memberikan pengaruh yang besar dalam memelihara serta memartabatkan warisan budaya dimanya ianya mampu memberi pendedahan kepada pelajar berkaitan elemen budaya, sejarah, dan estetika dalam seni visual. Salah satu contoh ialah aktiviti seni seperti lukisan dan catan yang dapat memberikan pelajar kefahaman tentang nilai budaya yang terkandung dalam setiap motif, simbol, dan tema kehidupan masyarakat tempatan. Menurut Eisner (2002), pendidikan seni di sekolah bukan sahaja melatih kemahiran teknikal dikalangan pelajar, malah mampu membantu membentuk kesedaran terhadap identiti budaya yang perlu dipelihara dalam kalangan generasi muda sekarang.

Seni bukan sekadar ekspresi estetik, tetapi juga manifestasi budaya dan pemikiran masyarakat yang perlu dipelihara (Syed Ahmad Jamal, 1992). Dalam era globalisasi, pendidikan seni berfungsi sebagai medium untuk memastikan kesinambungan warisan budaya, maka penglibatan pelajar dalam seni berasaskan budaya tempatan dapat meningkatkan penghargaan terhadap warisan negara disamping menggalakkan pemeliharaan identiti seni tradisional. Oleh itu, institusi pendidikan memainkan peranan penting dalam memastikan warisan seni terus diwarisi melalui pengajaran, pameran, dan aktiviti kreatif berasaskan budaya.

## 7. METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan sejarah lisan melalui temu bual dengan seorang pelukis profesional di negeri Kelantan, iaitu Mohd Adzran Omar. Beliau lebih memilih keunikan sosiobudaya dan infrastruktur sebagai satu dari tumpuan dalam setiap hasil lakaran. Kajian ini juga telah dijalankan dengan merujuk kepada jurnal, katalog, karya pelukis, buku dan artikel yang berkaitan. Selain daripada itu, pengkaji juga merujuk kepada katalog dalam laman web Balai Seni Lukis Negara dimana pengkaji melakukan pemerhatian pada karya pengkarya itu melalui kaedah visual rakaman, dan analisis dokumentasi bagi mendapatkan maklumat mengenai subjek, reka bentuk, dan makna. Data dikumpul berasaskan kepada kerja lapangan secara empirikal data yang diperoleh ketika berada di lapangan.

Bagi menyiapkan kajian ini, pengkaji telah merujuk kepada pelbagai sumber ilmiah dan beberapa dokumentasi berkaitan sebagai contoh jurnal akademik, katalog pameran, karya pelukis, buku, serta artikel yang berkaitan. Selain itu, katalog digital melalui laman sesawang Balai Seni Lukis Negara turut dirujuk oleh pengkaji bagi mendapatkan sumber maklumat yang jelas dan sahih berkaitan tajuk kajian. Bagi memenuhi dan menjawab segala persoalan kajian, pengkaji telah menyediakan soalan temubual yang lengkap dengan aspek beberapa soalan aspek budaya kemelayuan masyarakat di negeri Kelantan dan juga beberapa soalan berkaitan dengan setiap maksud lukisan yang dihasilkan.

## 8. HASIL KAJIAN

Seni lukisan perlu dipelihara dan dijaga untuk mengangkat budaya warisan di Malaysia. Terdapat beberapa kaedah untuk menyimpan lukisan seperti kaedah mendigitalkan lukisan ke dalam satu platform yang boleh dirujuk dan dilihat pada masa akan datang. Kaedah ini dapat memudahkan memastikan lukisan asli sentiasa dalam keadaan yang baik dan tidak mengalami kerosakan kerana orang awam atau masyarakat boleh melihat lukisan dalam bentuk digital yang tidak melihat atau menyentuh secara fizikal lukisan tersebut. Berdasarkan kajian dan temu bual yang dibuat, penulis mendapati bahawa kaedah yang sangat penting bagi menyimpan lukisan yang dihasilkan terutamanya bagi lukisan yang mempunyai nilai budaya warisan seperti lukisan peristiwa, lukisan tokoh dan lain-lain yang mempunyai sejarahnya yang tersendiri.

Pendekatan yang terbaik harus diambil untuk menarik minat masyarakat terhadap bidang seni untuk mengangkat budaya warisan. Seni boleh dipupuk melalui pembelajaran. Oleh itu, Pendidikan Seni Visual atau PSV perlu diambil perhatian supaya minat dan bakat terhadap seni dapat dipupuk dengan baik. PSV memberi banyak kebaikan kepada semua pihak terutamanya kepada pelajar kerana ia dapat memberi pendedahan berkenaan bidang seni dan menarik minat pelajar terhadap bidang seni. Kebiasaannya, PSV ini memfokuskan kepada seni lukisan, ia memberi asas pengetahuan mengenai seni kepada pelajar. Kita juga dapat menarik minat masyarakat dengan mengadakan sebuah pertandingan yang mempamerkan hasil kerja semua peserta. Berdasarkan kajian dan temu bual yang dibuat, penulis mendapati bahawa pendekatan yang ambil seperti meningkatkan kesedaran subjek PSV dan membuat pertandingan dapat mengangkat budaya warisan melalui seni lukisan.

Mahakarya yang terhasil perlu melalui beberapa kaedah atau teknik untuk memastikan ia diperakui oleh orang lain sebagai mahakarya. Semakin banyak mahakarya yang dihasilkan menunjukkan semakin banyak mereka yang berbakat dan berpotensi untuk menghasilkan sesebuah karya dalam sesebuah negara. Kebanyakan mahakarya dihasilkan, diperakui oleh masyarakat atas lukisan yang dihasilkan dengan menggunakan pelbagai media, alat, kaedah dan platform. Kaedah, media dan alat yang sesuai perlu digunakan mengikut gaya pelukis masing-masing agar keaslian dan keunikan sesebuah lukisan itu menjadi identiti dan jati diri pelukis itu. Berdasarkan kajian dan temu bual yang dibuat, penulis mendapati bahawa mahakarya yang terhasil mempunyai banyak kaedah dan pengalaman yang digunakan untuk diperakui oleh masyarakat.

Seni penting dalam budaya warisan untuk memastikan warisan kita terjaga dan tidak ditelan zaman terutamanya seni lukisan. Pelukis atau pengamal seni lukisan akan mendapat banyak kebaikan jika mereka terlibat dalam bidang seni lukisan ini. Dengan mempelajari bidang seni ini, kita dapat mengembangkan imaginasi dan kreativiti pelajar, sebagai platform meluahkan perasaan dan mengekspresikannya kepada dalam bentuk lukisan, dan dapat mengaplikasikannya dalam kehidupan sehari-hari. Berdasarkan kajian dan temu bual yang dibuat, penulis mendapati bahawa seni penting dalam pelbagai aspek kehidupan kepada mereka yang mempelajari bidang seni itu sendiri.



*Gambar 1: Potret lukisan mengenai sosiobudaya di negeri Che Siti Wan Kembang*

## 9. KESIMPULAN

Seni lukisan memainkan peranan penting dalam memartabat dan memelihara budaya warisan sesebuah masyarakat. Melalui lukisan, pelukis bukan sahaja dapat mengekspresikan identiti sesebuah budaya, malah dapat mendokumentasikan sejarah, kepercayaan, dan cara hidup yang diwarisi turun-temurun. Bagi mengekalkan kesinambungan warisan budaya dalam konteks visual, elemen seperti pakaian tradisional, seni bina, adat resam, serta cerita rakyat perlu diterjemahkan ke dalam karya lukisan. Secara keseluruhannya, bagi memastikan warisan tersebut terus kekal relevan dan dihargai dalam masyarakat moden, perlu ada usaha bagi mengangkat dan memartabatkan budaya warisan dalam seni lukisan. Oleh itu, kesinambungan ini perlu disokong melalui pendidikan seni, pameran, dan penglibatan aktif pelukis dalam menghasilkan karya yang berteraskan nilai-nilai tempatan.

## RUJUKAN

- Ahmad Rashidi Hasan. (2001). *Kompilasi pelukis-pelukis moden Malaysia dekad 80-an dan 90-an*. Shah Alam: Penerbit UiTM.
- Arkib Negara Malaysia, (2006). *Panduan Sumber-sumber Bahan Mengenai Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Eisner, E. W. (2002). *The arts and the creation of mind*. Yale University Press.
- Gombrich, E. H. (1995). *The story of art*. Phaidon Press.
- Haryati Abdul Karim. (2014). Globalisasi, penggunaan media dan identiti hibrid di kalangan remaja Malaysia. *Jurnal Komunikasi Borneo*, 1, 77–106. <https://doi.org/10.51200/jkob.v1i0.151>
- Khayril Anwar Khairudin. (2016). *Perkembangan seni catan di Malaysia*. Shah Alam: Universiti Teknologi MARA.
- Mohd Azdran bin Omar. (2023, 17 Januari). *Interviewed by Muhammad Safdar Izzul Islam bin Mohd Yatim & Ahmad Syamil bin Ismail*. Kelantan: Bazar Tengku Anis.
- Mohd Zahuri Khairani. (2019). Repositioning Pua Kumbu through artistic practice: Globalising the local. *KUPAS Seni*, 7, 25–38.
- Muliyadi Mahamood. (2007). *Seni lukis Malaysia: 25 tahun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rosliza Abdul Rahim. (2022). Influence of local culture on Malaysian portrait painting. *Journal of Asian Behavioural Studies*, 7(22), 45–54.
- Syed Ahmad Jamal. (1992). *Rupa dan jiwa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.